JUZU' KE-30

SURAH AT-TAKWIR

SURAH KE

81

SURAH AT-TAKWIR

Surah Penggulungan Matahari

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

29

**Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih**

Ayat-ayat dan Terjemahan

إِذَا ٱلشَّمْسُ كُوِّرَتْ ﴿١﴾ وَإِذَا ٱلنُّجُومُ ٱنكَدَرَتْ ﴿٢﴾

وَإِذَا ٱلْجِبَالُ سُيِّرَتْ ﴿٣﴾

وَإِذَا ٱلْعِشَارُ عُطِّلَتْ ﴿٤﴾

وَإِذَا ٱلْوُحُوشُ حُشِرَتْ ﴿٥﴾

وَإِذَا ٱلْبِحَارُ سُجِّرَتْ ﴿٦﴾

وَإِذَا ٱلنُّفُوسُ زُوِّجَتْ ﴿٧﴾

وَإِذَا ٱلْمَوْءُۥدَةُ سُئِلَتْ ﴿٨﴾

بِأَىِّ ذَنۢبٍ قُتِلَتْ ﴿٩﴾ وَإِذَا ٱلصُّحُفُ نُشِرَتْ ﴿١٠﴾

وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ كُشِطَتْ ﴿١١﴾

وَإِذَا ٱلْجَحِيمُ سُعِّرَتْ ﴿١٢﴾ وَإِذَا ٱلْجَنَّةُ أُزْلِفَتْ ﴿١٣﴾

عَلِمَتْ نَفْسٌ مَّآ أَحْضَرَتْ ﴿١٤﴾

فَلَآ أُقْسِمُ بِٱلْخُنَّسِ ﴿١٥﴾

"Apabila matahari digulung(1). Dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan(2). Dan apabila gunung-ganang dihancurleburkan(3). Dan apabila unta-unta bunting (yang disayangi) itu dibiarkan(4). Dan apabila binatang-binatang liar dikumpulkan(5).Dan apabila lautan-lautan dinyalakan(6). Dan apabila roh-roh dicantumkan kembali dengan jasad-jasad-nya(7). Dan apabila bayi perempuan yang ditanam hidup-hidup itu disoalkan(8). Kerana dosa apakah dia dibunuh?(9). Dan apabila buku-buku catatan amalan dibentangkan.(10) Dan apabila langit dihapuskan(11). Dan apabila Neraka dinyalakan(12). Dan apabila Syurga didekatkan(13). Nescaya setiap orang mengetahui apa yang telah dilakukannya(14). Sesungguhnya Aku bersumpah dengan bintang-bintang."(15).

ٱلْجَوَارِ ٱلْكُنَّسِ ﴿١٦﴾ وَٱلَّيْلِ إِذَا عَسْعَسَ ﴿١٧﴾

وَٱلصُّبْحِ إِذَا تَنَفَّسَ ﴿١٨﴾ إِنَّهُۥ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿١٩﴾

ذِى قُوَّةٍ عِندَ ذِى ٱلْعَرْشِ مَكِينٍ ﴿٢٠﴾

مُّطَاعٍ ثَمَّ أَمِينٍ ﴿٢١﴾ وَمَا صَاحِبُكُم بِمَجْنُونٍ ﴿٢٢﴾

وَلَقَدْ رَءَاهُ بِٱلْأُفُقِ ٱلْمُبِينِ ﴿٢٣﴾

وَمَا هُوَ عَلَى ٱلْغَيْبِ بِضَنِينٍ ﴿٢٤﴾

وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَيْطَٰنٍ رَّجِيمٍ ﴿٢٥﴾

فَأَيْنَ تَذْهَبُونَ ﴿٢٦﴾ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿٢٧﴾

لِمَن شَآءَ مِنكُمْ أَن يَسْتَقِيمَ ﴿٢٨﴾

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢٩﴾

"Yang muncul dan menghilang(16). Dan demi malam ketika ia menggelap(17). Dan demi pagi ketika ia bernafas(18). Sesungguhnya Al-Qur'an itu perkataan utusan-Nya yang mulia (Jibril)(19). Yang gagah perkasa dan mempunyai kedudukan yang teguh di sisi Tuhan yang memiliki Arasy(20).Yang dita'ati (di alam al-Mala'ul-A'la) dan amat amanah(21). Sahabat kamu (Muhammad) itu bukannya seorang gila(22). Dan sesungguhnya dia pernah melihatnya (Jibril) di ufuk yang nyata(23). Dan dia tidak bakhil dalam menyampaikan urusan ghaib (yang diwahyukan kepadanya)(24). Dan Al-Qur'an itu bukannya perkataan syaitan yang direjam(25).Ke manakah kamu akan pergi?(26). Sesungguhnya Al-Qur'an itu tiada lain melainkan peringatan kepada semesta alam(27). Iaitu kepada sesiapa di antara kamu yang hendak mengikut jalan yang lurus(28). Dan kamu tidak dapat menentukan kehendak kamu kecuali dikehendaki Allah Tuhan semesta alam."(29)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini mengandungi dua bahagian. Setiap bahagian masing-masing menjelaskan satu hakikat agung dari hakikat-hakikat 'aqidah Islam.

Hakikat pertama ialah hakikat Qiamat dan peristiwa-peristiwa kemusnahan alam yang hebat dan menyeluruh termasuk matahari, bintang-bintang, gunung-ganang, lautan-lautan, bumi dan langit, binatang-binatang ternakan dan binatang-binatang liar dan manusia sendiri.

Hakikat kedua ialah hakikat wahyu serta apa yang berhubung dengannya seperti sifat malaikat yang membawa wahyu itu dan Nabi yang menerimanya, juga sikap kaum yang disampaikan wahyu itu di samping persoalan kehendak Allah yang agung yang telah menciptakan mereka dan menurunkan wahyu kepada mereka.

Nada umum surah ini hampir sama dengan ledakan malapetaka yang terlepas dari tambatannya, yang memusnah dan menghancurleburkan segala-galanya, yang mencemaskan segala yang tenang, yang menggentarkan segala yang aman, yang menghapuskan segala yang disayangi, yang menukarkan segala yang biasa, yang menggoncangkan jiwa manusia dengan goncangan yang hebat dan lama hingga mencabutkan darinya segala sesuatu yang disenangi dan disayanginya. Mereka tiba-tiba berada di tengah-tengah taufan malapetaka yang amat dahsyat laksana sehelai bulu yang diterbangi angin yang tidak pernah mantap dan tetap, tiada tempat perlindungan bagi mereka melainkan hanya di bawah naungan Allah Yang Maha Esa, Maha Gagah dan Maha Kekal. Hanya pada Allah sahaja terdapat ketenangan dan ketenteraman.

Kerana itu nada umum surah ini menghapuskan dari jiwa manusia segala sesuatu yang disayangi dan disenangi olehnya supaya ia berlindung di bawah naungan Allah dan mencari ketenangan dan ketenteraman di sisi-Nya.

Di samping itu surah ini kaya dengan berbagai-bagai pemandangan yang menarik sama ada pemandangan-pemandangan di alam dunia yang indah yang kita lihat sekarang, atau pemandangan-pemandangan di alam Akhirat di mana seluruh alam dunia berubah dari keadaan-keadaannya yang lumrah kepada kita.

Surah ini juga kaya dengan ungkapan-ungkapan yang indah, yang dipilih dengan teliti untuk mewarnakan berbagai-bagai pemandangan dan berbagai-bagai nada pernyataan. Kedua-duanya bertemu dalam ruang surah yang pendek ini dan menembusi ke dalam hati dengan penuh kekuatan dan saranan.

Jika tidak kerana wujudnya dalam pengungkapan Al-Qur'an, kata-kata dan ungkapan-ungkapan yang tidak begitu biasa dan tidak begitu jelas kepada pembaca-pembaca di zaman ini, tentu saya lebih suka tinggalkan surah ini menjelaskan dirinya sendiri dengan nadanya, dengan gambaran-gambarannya dan bayangan-bayangannya, hakikat-hakikatnya dan pemandangan-pemandangannya iaitu penjelasan yang tidak dapat dilakukan oleh mana-mana terjemahan bahasa manusia dan penjelasan yang terus sampai ke lubuk hati dan memetikkan tali-tali perasaannya yang mengharukan.

Tetapi kami terpaksa mentafsirkan kata-kata dan ungkapan-ungkapan itu, kerana di zaman ini kita berada begitu jauh dari tradisi bahasa Al-Qur'an.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 14)

Pemandangan-pemandangan Perubahan Alam Total

إِذَا ٱلشَّمۡسُ كُوِّرَتۡ ١ وَإِذَا ٱلنُّجُومُ ٱنكَدَرَتۡ ٢
وَإِذَا ٱلۡجِبَالُ سُيِّرَتۡ ٣
وَإِذَا ٱلۡعِشَارُ عُطِّلَتۡ ٤
وَإِذَا ٱلۡوُحُوشُ حُشِرَتۡ ٥

"Apabila matahari digulung(1). Dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan(2). Dan apabila gunung-ganang dihancurleburkan(3). Dan apabila unta-unta bunting (yang disayangi) itu dibiarkan(4). Dan apabila binatang-binatang liar dikumpulkan."(5)

وَإِذَا ٱلۡبِحَارُ سُجِّرَتۡ ٦
وَإِذَا ٱلنُّفُوسُ زُوِّجَتۡ ٧
وَإِذَا ٱلۡمَوۡءُۥدَةُ سُئِلَتۡ ٨
بِأَيِّ ذَنۢبٖ قُتِلَتۡ ٩ وَإِذَا ٱلصُّحُفُ نُشِرَتۡ ١٠

"Dan apabila lautan-lautan dinyalakan(6). Dan apabila roh-roh dicantumkan kembali dengan jasad-jasad-nya(7). Dan apabila bayi perempuan yang ditanam hidup-hidup itu disoalkan(8). Kerana dosa apakah dia dibunuh?(9). Dan apabila buku-buku catatan amalan dibentangkan."(10)

وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ كُشِطَتۡ ١١
وَإِذَا ٱلۡجَحِيمُ سُعِّرَتۡ ١٢ وَإِذَا ٱلۡجَنَّةُ أُزۡلِفَتۡ ١٣
عَلِمَتۡ نَفۡسٞ مَّآ أَحۡضَرَتۡ ١٤

"Dan apabila langit dihapuskan.(11) Dan apabila Neraka dinyalakan.(12) Dan apabila Syurga didekatkan.(13) Nescaya setiap orang mengetahui apa yang telah dilakukannya."(14)

Itulah pemandangan perubahan dan revolusi alam yang membabitkan segala yang ada, membabitkan segala jirim di langit dan di bumi, membabitkan binatang-binatang liar dan ternakan-ternakan yang jinak, membabitkan manusia dan membabitkan segala peraturan dan undang-undang. Pada hari itu, segala yang tersembunyi selama ini akan terdedah, segala yang majhul selama ini akan diketahui dan

setiap orang akan mengetahui sebanyak mana modal dan bekalannya yang dibawa untuk menghadapi situasi pengadilan dan Hisab, sedangkan segala sesuatu di sekelilingnya bergerak kencang dan terbalik songsang.

Alam Buana Menemui Ajalnya

Perubahan-perubahan alam yang amat besar ini menunjukkan bahawa alam yang tersusun indah ini di mana setiap geraknya disusun rapi dan setiap hubungannya dikawal kemas, alam yang diciptakan begitu kukuh dan dibangunkan begitu sempurna dan hemat, alam ini pada Hari Qiamat nanti akan terhurai segala ikatan peraturan dan undang-undangnya menyebabkan segala bahagiannya hancurlebur dan pecah berkecai, segala sifat-sifat asalnya akan musnah dan hilang. Pada hari ini, alam menemui ajalnya dan seluruh kejadiannya berubah kepada satu bentuk yang lain, di mana alam kehidupan dan hakikat-hakikat mengalami perubahan yang berlainan sama sekali dari alam dunia yang kita kenali itu.

Inilah hakikat yang mahu diterapkan oleh surah ini ke dalam hati dan perasaan manusia supaya ia berpisah dari pengaruh gejala-gejala alam yang fana ini - walaupun kelihatan tetap dan mantap - dan berhubung dengan hakikat yang kekal iaitu hakikat Allah yang tidak berubah dan musnah, ketika segala kejadian alam berubah dan musnah, dan seterusnya supaya hati manusia terlepas bebas dari segala ikatan belenggu biasa yang wujud di alam yang dapat dilihat ini untuk menuju kepada hakikat Allah yang mutlak yang tidak terikat dengan zaman dan ruang, pandangan dan tanggapan dan tidak terikat dengan apa sahaja gejala yang mengikatnya dalam suasana dan skop yang terbatas.

Kejadian Qiamat Tidak Dapat Difahami Dengan Pemikiran Kita Yang Biasa

Inilah perasaan umum yang meresap ke dalam jiwa ketika melihat pemandangan-pemandangan Qiamat yang mengerikan itu. Hakikat yang sebenarnya yang akan berlaku kepada seluruh makhluk ini pada hari itu adalah terpulang kepada ilmu Allah. Hakikat ini terlalu besar untuk ditanggapkan oleh kita sekarang dengan perasaan-perasaan dan kefahaman-kefahaman kita yang terikat dengan tanggapan dan pemikiran kita yang biasa. Bencana alam yang paling besar diketahui oleh kita ialah gempa bumi yang meruntuh dan memusnahkan atau letupan gunung berapi yang menyemburkan lahar-lahar, atau malapetaka bumi yang ditimpa tahi bintang atau disambar petir. Paling hebat malapetaka air yang dialami manusia ialah banjir-banjir yang besar. Kejadian angkasa yang paling hebat diteropong manusia ialah ledakan-ledakan kecil yang berlaku pada matahari yang dilihat dalam jarak ratusan juta batu.

Kejadian-kejadian ini jika dibandingkan dengan kejadian-kejadian revolusi alam yang menyeluruh pada Hari Qiamat kelak hanya merupakan hiburan-hiburan kanak-kanak sahaja. Andainya kita perlu mengetahui sebahagian dari hakikat yang akan berlaku kepada makhluk-makhluk yang ada pada Hari Qiamat kelak, maka tidak ada jalan lain untuk kita selain dari memberi gambaran-gambaran yang dekat kepada pemahaman kita dengan menggunakan kata-kata dan ungkapan-ungkapan yang biasa kita fahami dalam kehidupan dunia ini.

* * * * * *

Matahari Digulung

إِذَا ٱلشَّمْسُ كُوِّرَتْ ﴿١﴾

"Apabila matahari digulung."(1)

Penggulungan matahari mungkin dimaksudkan bahawa matahari kelak akan sejuk dan padam cahayanya. Pucuk-pucuk apinya yang marak dan menjulang sekarang di sekeliling tepi-tepinya sejauh ribuan batu ke angkasa raya itu akan merunduk hilang. Pucuk-pucuk apinya itu dapat dilihat melalui teropong-teropong bintang pada masa gerhana. Ia akan berubah dari gas yang tercetus dari kesan kepanasannya yang tinggi hingga 12,000 darjah, iaitu kepanasan yang mengubahkan bahan-bahan yang membentukkan matahari itu kepada gas-gas yang bernyala. Ia akan berubah dari keadaan ini kepada keadaan membeku seperti kulit bumi dan menyebabkan pucuk-pucuk apinya padam tidak menjulang-julang lagi.

Mungkin ia akan berakhir begini dan mungkin pula ia akan berakhir dengan cara yang lain, tetapi bagaimana cara ia berakhir dan apakah faktor-faktor yang menyebabkannya berakhir sedemikian adalah terpulang kepada ilmu Allah.

* * * * * *

Bintang-bintang Digugurkan Bertaburan

"Dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan."(2)

Keguguran bintang-bintang mungkin dimaksudkan bahawa bintang-bintang itu kelak akan jatuh bertaburan dari sistem yang mengikatnya dan akan padam cahayanya. Allah sahaja yang tahu bintang-bintang manakah yang akan jatuh bertaburan itu. Adakah kumpulan bintang-bintang yang dekat dengan kita seperti kumpulan bintang yang menjadi keluarga matahari kita, atau galaksi kita yang terdiri dari ratusan juta bintang, atau seluruh bintang yang ada yang tidak diketahui bilangannya dan tempat-tempatnya melainkan Allah. Kerana di sebalik apa yang dilihat menerusi teropong-teropong kita terdapat berbagai-bagai galaksi dan angkasa-angkasanya yang kita tidak tahu sebanyak mana bilangannya dan sejauh mana batasnya. Tetapi yang pastinya ada bintang-bintang yang akan gugur bertaburan pada Hari Qiamat sebagaimana yang telah

dijelaskan oleh berita yang benar ini. Tiada siapa yang mengetahui hakikatnya melainkan Allah.

* * * * * *

Gunung-ganang Hancurlebur

وَإِذَا ٱلۡجِبَالُ سُيِّرَتۡ ﴿٣﴾

"Dan apabila gunung-ganang dihancurleburkan."(3)

Kehancuran gunung-ganang ialah kemusnahan dan keleburannya menjadi debu-debu bertaburan di udara sebagaimana dijelaskan di dalam satu surah yang lain:

وَيَسۡـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلۡجِبَالِ فَقُلۡ يَنسِفُهَا رَبِّي نَسۡفٗا ﴿١٠٥﴾

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang gunung-ganang, maka jawablah ia akan dihancurleburkan oleh Tuhanku."

(Surah Taha: 105)

وَبُسَّتِ ٱلۡجِبَالُ بَسّٗا ﴿٥﴾

فَكَانَتۡ هَبَآءٗ مُّنۢبَثّٗا ﴿٦﴾

"Dan gunung-ganang dileburkan dengan selebur-leburnya(5). Lalu ia menjadi debu-debu yang berterbangan."(6)

(Surah al-Waqi'ah)

وَسُيِّرَتِ ٱلۡجِبَالُ فَكَانَتۡ سَرَابًا ﴿٢٠﴾

"Dan gunung-ganang dihancurleburkan, lalu ia menjadi seperti fatamorgana."

(Surah an-Naba': 20)

Semua ayat-ayat ini menunjukkan kehancuran dan keleburan yang akan berlaku kepada gunung-ganang. Keadaannya yang selama ini kukuh, teguh dan mantap akan hilang semuanya. Mungkin juga kehancuran itu bermula dengan gerak gempa bumi yang diceritakan oleh Al-Qur'an:

"Apabila bumi digegarkan dengan sedahsyat-dahsyat gegarannya(1). Dan bumi telah mengeluarkan isi kandungannya."(2)

(Surah al-Zalzalah)

Itulah peristiwa-peristiwa dahsyat yang akan berlaku pada Hari Qiamat yang panjang itu.

* * * * * *

Harta-harta Kesayangan Dibiarkan

وَإِذَا ٱلۡعِشَارُ عُطِّلَتۡ ﴿٤﴾

"Dan apabila unta-unta bunting (yang disayangi) dibiarkan."(4)

Yang dimaksudkan dengan unta-unta bunting itu ialah unta-unta bunting yang berada dalam bulannya yang kesepuluh. Ia merupakan harta ternakan yang paling mahal yang dimiliki orang-orang Arab. Unta-unta yang sedemikian amat disayangi mereka kerana mereka mengharapkan anak dan susu yang tidak lama lagi akan berhasil. Pada hari berlakunya kejadian-kejadian kemusnahan alam yang dahsyat itu, maka unta-unta kesayangan itu akan terbiar dan ditinggalkan begitu sahaja. Ia tidak lagi berharga dan tiada seorang pun yang menghiraukannya. Orang-orang Arab yang dihadapkan firman ini kepada mereka tidak akan membiarkan unta-unta itu melainkan dalam keadaan-keadaan yang dilihat mereka terlalu dahsyat dan hebat.

* * * * * *

Binatang-binatang Liar Berkumpul

وَإِذَا ٱلۡوُحُوشُ حُشِرَتۡ ﴿٥﴾

"Dan apabila binatang-binatang liar dikumpulkan."(5)

Maksudnya, binatang-binatang yang liar itu ketakutan kerana kemusnahan yang sedang berlaku itu. Mereka berkumpul kerana terlalu takut, mereka berkeliaran di celah-celah bukit. Mereka lupakan ketakutan mereka terhadap satu sama lain dan mereka lupakan mangsa-mangsa mereka. Mereka berlari-larian tanpa tujuan. Mereka tidak lagi pulang ke lubang-lubang atau sarang-sarang kediaman mereka. Mereka tidak lagi memburu mangsa-mangsa mereka. Ketakutan dan kedahsyatan suasana telah mencabutkan saki baki tabi'at-tabi'at dan sifat-sifat binatang liar itu. Bagaimana pula keadaan manusia pada hari malapetaka alam yang dahsyat itu?

* * * * * *

Lautan-lautan Membanjir Dan Meledak

وَإِذَا ٱلۡبِحَارُ سُجِّرَتۡ ﴿٦﴾

"Dan apabila lautan-lautan dinyalakan."(6)

Kata-kata سجّرت ini juga mungkin bermakna "dibanjirkan" atau "dipenuhkan dengan air." Sama ada air-air itu mencurah ke dalam lautan-lautan dengan sebab banjir-banjir seperti banjir-banjir yang dikatakan berlaku semasa kelahiran bumi dan kesejukannya yang telah kami huraikan dalam Surah az-Zalzalah atau dengan sebab berlakunya gempa-gempa bumi dan ledakan gunung-gunung berapi yang membelahkan tebing-tebing yang memisahkan di antara lautan-lautan dan menyebabkan air lautan-lautan itu banjir membanjiri antara satu sama lain. Atau bermakna lautan itu meledak dan terbakar seperti yang diterangkan dalam ayat lain:

وَإِذَا ٱلۡبِحَارُ فُجِّرَتۡ ﴿٣﴾

"Dan apabila lautan-lautan telah dipecahkan."

(Surah al-Infitar: 3)

Maksudnya, dipecahkan unsur-unsur yang ada di dalam air lautan itu hingga unsur-unsur hidrogennya terpisah dari unsur oksigennya, atau maksudnya

diledakkan atom-atomnya seperti yang berlaku dalam ledakan bom atom atau berlaku dengan cara yang lain. Apabila ledakan ini berlaku, maka api yang amat besar yang tidak dapat dikhayalkan akan tercetus dari lautan-lautan. Ledakan sebahagian kecil dari atom-atom di dalam bom-bom atom dan hidrogen yang biasa telah mengakibatkan malapetaka besar yang dikenali di dunia sekarang. Andainya atom-atom lautan itu diledakkan sedemikian rupa atau dengan cara yang lain, sudah tentu manusia tidak mampu untuk mengkhayalkan bagaimana dahsyatnya malapetaka dan neraka besar yang akan tercetus dari lautan-lautan yang luas itu.

وَإِذَا ٱلنُّفُوسُ زُوِّجَتْ ٧

"Dan apabila roh-roh dicantumkan kembali dengan jasad-jasadnya."(7)

Roh Bercantum Semula Dengan Jasad

Mungkin dimaksudkan bahawa roh-roh itu akan dicantumkan kembali dengan jasad-jasadnya setelah diciptakan semula, dan mungkin pula dimaksudkan bahawa kumpulan-kumpulan manusia yang sama dan sealiran akan digabungkan dalam satu golongan sebagaimana telah diterangkan dalam ayat yang lain:

وَكُنتُمْ أَزْوَٰجًا ثَلَٰثَةً ٧

"Dan jadilah kamu tiga golongan."

(Surah al-Waqi'ah: 7)

Iaitu golongan orang-orang yang dekat dengan Allah (Muqarrabin), golongan kanan dan golongan kiri atau sebagainya dari kumpulan-kumpulan yang sama.

* * * * * *

Jenayah Membunuh Anak-anak Kerana Sebab-sebab Sosio Ekonomi Dibongkar

"Dan apabila bayi perempuan yang ditanam hidup-hidup itu disoalkan(8). Kerana dosa apakah dia dibunuh?"(9)

Kerendahan jiwa manusia di zaman jahiliyah telah mengakibatkan tersebarnya adat menanam anak perempuan hidup-hidup, kerana takut malu dan takut miskin. Adat ini telah diceritakan oleh Al-Qur'an sebagai merakamkan keburukan zaman jahiliyah dan kerana di zaman inilah Islam datang menyelamatkan umat Arab dari jurangnya yang dalam dan mengangkatkan darjat umat manusia seluruhnya. Allah berfirman dalam ayat yang lain:

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِٱلْأُنثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُۥ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ ٥٨

يَتَوَٰرَىٰ مِنَ ٱلْقَوْمِ مِن سُوٓءِ مَا بُشِّرَ بِهِۦٓ ۚ أَيُمْسِكُهُۥ عَلَىٰ هُونٍ أَمْ يَدُسُّهُۥ فِى ٱلتُّرَابِ ۗ أَلَا سَآءَ مَا يَحْكُمُونَ ٥٩

"Dan apabila seseorang dari mereka disampaikan berita mendapat anak perempuan. Maka hitamlah mukanya dan ia kelihatan begitu marah(58). Ia menyembunyikan dirinya dari orang ramai kerana terlalu buruknya berita yang disampaikan kepadanya, adakah ia wajar memeliharakannya dengan menanggung kehinaan atau menimbuskannya sahaja hidup-hidup di dalam tanah. Alangkah buruknya keputusan yang diambil mereka."(59)

(Surah an-Nahl)

Dalam surah yang lain Ia berfirman:

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِمَا ضَرَبَ لِلرَّحْمَٰنِ مَثَلًا ظَلَّ وَجْهُهُۥ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ ١٧

أَوَمَن يُنَشَّؤُا۟ فِى ٱلْحِلْيَةِ وَهُوَ فِى ٱلْخِصَامِ غَيْرُ مُبِينٍ ١٨

"Dan apabila seorang dari mereka disampaikan berita mendapat anak perempuan yang dijadikannya contoh anak kepada Allah Yang Maha Pemurah, maka hitamlah mukanya dan ia kelihatan begitu marah(17). Adakah anak perempuan yang dibesarkan dalam perhiasan itu (layak dikatakan anak Allah) sedangkan dia pula tidak dapat memberi hujah yang jelas dalam pertengkaran."(18)

(Surah az-Zukhruf)

Dalam surah yang lain lagi Ia berfirman:

وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَٰقٍ ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ

"Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takut miskin, Kamilah yang menanggung rezeki mereka dan rezeki kamu."

(Surah al-Isra': 31)

Penanaman bayi perempuan itu dilakukan dengan cara yang amat kejam iaitu mereka ditanam hidup-hidup. Dan penanaman hidup-hidup itu dilakukan dengan bermacam-macam cara. Ada yang membiarkan anak perempuan itu besar sehingga usia enam tahun. Di waktu itu ia akan berkata kepada ibunya, "Harumkan budak ini dengan minyak wangi dan hiaskan dengan pakaian yang indah supaya dapat aku bawakannya kepada bapa mertuanya." Sebelum ini ia telah pun menggali sebuah telaga untuk anak itu di padang pasir, dan apabila ia membawa anak itu ke sana ia berkata kepadanya, "Tengoklah dalam lubang ini," dan ia terus menolaknya ke dalam lubang itu dan menimbuskannya. Setengahnya pula si ibu sendiri yang duduk di atas sebuah lubang yang digali khas apabila tiba masanya untuk melahirkan anak. Jika anak yang dilahirnya itu perempuan, ia terus campakkannya ke dalam lubang itu dan

menimbuskannya, dan jika lelaki, ia akan berdiri bersama anak itu. Ada setengah mereka, jika ia berniat untuk tidak menanamkan anak perempuannya, ia akan memeliharanya dalam keadaan yang hina sehingga kanak-kanak itu dapat mengembalakan ternakannya. Di waktu itulah kanak-kanak itu akan dipakaikan dengan baju jubah yang diperbuat dari bulu atau rambut, kemudian di hantar ke desa untuk mengembala untanya.

Penindasan Terhadap Kaum Wanita

Mereka yang tidak menanamkan bayi perempuan dan tidak pula menghantarkan mereka ke desa untuk mengembala ternakan, mereka mempunyai cara-cara yang lain untuk menghina dan menindaskan kaum wanita. Apabila seorang perempuan berkahwin, tiba-tiba suaminya meninggal, maka wali suaminya akan datang kepadanya dan mencampakkan bajunya di atasnya. Ini bererti ia tidak dibolehkan berkahwin dengan orang lain. Jika ia suka, ia akan mengambil perempuan itu sebagai isterinya tanpa menghiraukan sama ada ia bersetuju atau tidak. Dan jika ia tidak suka, ia akan tahankannya sampai mati untuk mewarisi hartanya atau perempuan itu membayar wang tebusan kepadanya. Ada pula yang menceraikan isterinya dengan mengenakan syarat bahawa ia tidak boleh berkahwin melainkan dengan lelaki yang disukainya dan sanggup membayar tebusan sebanyak maskahwin yang telah diberikan kepadanya. Ada pula yang menahan perempuan yang mati suaminya dari berkahwin untuk dikahwinkan dengan seorang kanak-kanak mereka dan apabila kanak-kanak ini besar, maka dapatlah ia mengambil, perempuan itu. Ada lelaki yang memelihara anak perempuan yang yatim dan menahankannya dari berkahwin dengan harapan isterinya mati dan dapatlah ia berkahwin dengan anak yatim itu, atau dia kahwinkan anak yatim itu dengan anaknya sendiri yang masih kecil kerana tamakkan harta kekayaan dan kecantikannya.

Demikianlah pandangan jahiliyah terhadap kaum wanita hingga datang agama Islam mengecam adat-adat yang keji itu dan menamatkan perbuatan menanam anak perempuan dan mencampakkannya sebagai perbuatan yang ganas. Ia jadikan perbuatan itu sebagai dosa-dosa yang akan dihisab pada Hari Qiamat dan menyebutkannya bersama-sama peristiwa-peristiwa huru-hara Qiamat yang amat dahsyat seolah-olah perbuatan itu merupakan salah satu dari peristiwa-peristiwa Qiamat yang amat besar. Allah menjelaskan bahawa anak-anak perempuan yang ditanam hidup-hidup itu kelak akan ditanya: Apakah dosa mereka yang menyebabkan mereka ditanamkan hidup-hidup? Jika yang ditanam itu ditanya dan diperiksa, bagaimana pula dengan penanam itu sendiri?

Kedatangan Islam Mengangkatkan Darjat Kaum Wanita

Kehormatan kaum wanita tidak mungkin direalitikan selama-lamanya dalam masyarakat jahiliyah andainya syari'at Allah tidak menurunkan peraturan mengenai wanita yang telah mengangkatkan kehormatan seluruh umat manusia. Ia telah memuliakan manusia lelaki dan perempuan dan meletakkan mereka di tempat yang layak dengan makhluk yang menanggung tiupan roh ciptaan Allah Yang Maha Tinggi. Dari sumber syari'at inilah terpancarnya kehormatan wanita yang dibawa oleh Islam, dan kehormatan itu bukannya lahir dari mana-mana faktor alam sekitar masyarakat Arab.

Apabila umat manusia dilahirkan semula dengan nilai-nilai dari langit, barulah kehormatan wanita dapat ditegakkan. Kedudukan wanita tidak dinilai berdasarkan kelemahan dan perbelanjaan hidupnya yang ditanggung oleh keluarganya, kerana ini bukannya dari nilai-nilai yang dipertimbangkan dalam neraca Allah, malah yang menjadi asas pertimbangan ialah roh manusia yang mulia yang berhubung dengan Allah. Dan roh ini adalah dimiliki bersama oleh kaum lelaki dan kaum perempuan.

Apabila bukti-bukti menunjukkan bahawa agama Islam adalah dari Allah dan apa yang dibawa Rasul itu adalah wahyu dari Allah, maka perubahan kedudukan wanita-wanita Arab merupakan salah satu dari bukti-bukti yang tepat, kerana dalam masyarakat jahiliyah tidak terdapat satu tanda pun yang dapat diharapkan akan mengangkatkan kaum wanita kepada kehormatan yang setinggi itu. Di sana tidak ada satu faktor masyarakat terutama faktor ekonomi yang mendorong ke arah itu andainya agama Allah tidak turun mengangkatkan kehormatan mereka bagi permulaan kali. Kehormatan mereka bukannya terangkat dengan faktor-faktor dari bumi umumnya dan bukanlah pula dengan faktor-faktor masyarakat jahiliyah khususnya, malah ia terangkat dengan agama Allah yang telah mewujudkan satu kedudukan kaum wanita yang baru, yang berlandaskan kepada penilaian dan pertimbangan undang-undang Allah semata-mata.

* * * * * *

Buku Laporan Amalan Didedah Dan Dibentangkan Kepada Umum

"Dan apabila buku-buku catatan amalan dibentangkan."(10)

Buku-buku catatan amalan itu didedahkan dengan terang, dan pembentangan itu membawa makna bahawa amalan itu terbuka kepada pengetahuan umum, ia tidak lagi tersembunyi atau sulit. Amalan-amalan yang didedahkan sedemikian terbuka amatlah menyeksakan jiwa manusia. Beberapa banyak perbuatan keji yang terlindung dari mata ramai telah membuat orang-orang yang melakukannya merasa begitu malu apabila dikenangkan mereka dan membuat mereka menggelentar dan hancurluluh apabila didedah. Tetapi pada Hari Qiamat perbuatan keji itu akan dibentang dan didedahkan kepada umum.

Pendedahan ini merupakan salah satu dari peristiwa-penstiwa dahsyat pada hari itu, di samping merupakan salah satu dari sifat-sifat revolusi alam yang mendedahkan segala yang tersembunyi, menzahirkan segala yang terlindung dan membuka segala rahsia yang terpendam di dalam dada.

* * * * * *

Langit Dihapuskan

Penghapusan tabir yang melindungi rahsia-rahsia yang tersembunyi di dalam hati dibandingkan pula dengan pemandangan penghapusan langit di alam buana:

"Dan apabila langit dihapuskan."(11)

Pengertian yang mula-mula masuk ke dalam fikiran kita dari kata-kata "langit" ialah bumbung alam yang terbentang di atas kepala kita. Maksud langit dihapuskan ialah ia akan ditiadakan, dan bagaimana cara penghapusan langit dan bagaimana penghapusan itu akan berlaku merupakan satu persoalan yang tidak dapat dijelaskan dengan pasti. Kita hanya dapat khayalkan apabila seseorang melihat ke langit di waktu itu, ia dapati kubah alam itu tidak ada lagi di atasnya kerana sesuatu sebab yang telah mengubahkan undang-undang dan peraturan alam yang ada. Selama ini undang-undang dan peraturan inilah yang menjadi sebab adanya langit itu. Ini sahaja pun sudah cukup.

* * * * * *

Neraka Dinyalakan Dan Syurga Disediakan

Kemudian tibalah peringkat akhir pemandangan-pemandangan Hari Qiamat yang amat menakutkan itu:

"Dan apabila Neraka dinyalakan.(12) Dan apabila Syurga didekatkan."(13)

Neraka bernyala dengan marak dan pucuk apinya semakin membumbung tinggi dan kepanasannya semakin ghairah. Di mana Neraka ini? Bagaimana ia bernyala? Kita tidak mempunyai keterangan selain dari keterangan firman Allah:

وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلْحِجَارَةُ

"Bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu."

(Surah at-Tahrim: 6)

Ini ialah selepas dicampakkan ahli-ahli Neraka ke dalamnya, tetapi sebelum itu hanya Allah sahaja yang mengetahui apakah bahan bakarnya.

Di waktu itu juga Syurga didekatkan dan dapat dilihat oleh bakal-bakal penghuninya yang dijanjikan. Ia kelihatan begitu mudah dan senang untuk dimasuki mereka. Kata-kata **"didekatkan"** (أزلفت) itu membayangkan seolah-olah Syurga itu ditolakkan kepada mereka atau seolah-olah tapak-tapak kaki mereka ditolakkan ke Syurga.

* * * * * *

Setelah berlaku segala peristiwa-peristiwa yang dahsyat itu di alam buana dan di alam hidupan dan benda ini, maka ketika itu barulah manusia yakin terhadap hakikat amalan-amalan yang telah dilakukan mereka dan terhadap bekalan-bekalan yang disedia dan dibawakan bersama mereka untuk menghadapi peperiksaan dan Hisab:

"Nescaya setiap orang mengetahui apa yang telah dilakukannya."(14)

Qiamat Membawa Kesedaran Kepada Setiap Orang

Setiap orang tahu pada hari yang dahsyat itu amalan-amalan yang sebenar yang ada bersama-samanya, ia tahu manakah amalan-amalan yang menguntungkannya dan manakah amalan-amalan yang merugikannya. Semuanya disedari dalam sa'at-sa'at ia terkepung di dalam huru-hara alam yang dahsyat. Ia sedar di sa'at-sa'at ia tidak dapat berbuat apa-apa untuk mengubahkan amalan-amalan yang telah dilakukannya itu atau untuk menambah atau mengurangkannya. Ia sedar di sa'at-sa'at itu ia telah terpisah dari segala peraturan biasa dalam kehidupan dan kefahaman, kerana ia telah terputus dari alamnya dan alamnya telah terpisah darinya. Segala-galanya telah berubah dan segala-galanya telah bertukar. Yang tetap kekal hanya Allah yang tidak pernah berubah dan bertukar. Alangkah wajarnya setiap hati sentiasa bertawajjuh kepada Allah agar ia menemui Allah ketika seluruh alam ini berubah dan bertukar.

Dengan nada pernyataan ini berakhirlah bahagian pertama surah ini. Ia membuat hati dan pancaindera penuh dengan pemandangan-pemandangan revolusi alam buana.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 18)

"Sesungguhnya Aku bersumpah dengan bintang-bintang(15). Yang muncul dan menghilang(16). Dan demi malam ketika ia menggelap(17). Dan demi pagi ketika ia mula bernafas."(18)

Kemudian tiba pula bahagian yang kedua dari surah ini. Ia dimulakan dengan ungkapan sumpah dengan kejadian-kejadian alam yang indah yang digubah dengan senikata-senikata pilihan yang cantik untuk menegakkan hakikat wahyu, dan menerangkan sifat

malaikat yang menyampaikan wahyu itu dan sifat rasul yang menerimanya, dan seterusnya menjelaskan sikap manusia terhadapnya mengikut kehendak Allah:

"Sesungguhnya Aku bersumpah dengan bintang-bintang(15). Yang muncul dan menghilang."(16)

Gambaran Seni Pergerakan Bintang-bintang Di Angkasa Raya

Bintang-bintang yang beredar, yang muncul dan menghilang itu ialah bintang- bintang yang kembali muncul dalam peredaran-peredarannya kemudian menghilang. Ungkapan Al-Qur'an menyalutkan bintang-bintang itu dengan sifat yang indah iaitu kehidupan kijang-kijang yang berlari dan bersembunyi di sarang-sarangnya kemudian muncul kembali dari sudut yang lain.

Di sana terdapat gambaran hayat yang mendenyut segar dalam senikata-senikata indah yang memerikan bintang-bintang itu. Di sana juga terdapat saranan yang merangsangkan keindahan dalam pergerakan bintang-bintang apabila ia beredar, muncul dan menghilang, bersembunyi dan keluar berlari dan kembali. Dan saranan keindahan-keindahan pemandangan ini berpadu pula dengan saranan keindahan senikata dan nada bunyinya yang menarik.

"Dan demi malam ketika ia menggelap."(17)

Gambaran Seni Pergerakan Malam

Yakni ketika malam menjadi gelap. Kata-kata عسعس sendiri mempunyai saranan-saranan. Ia terdiri dari dua perkataan عس عس. Bunyi kata-kata ini sendiri memberi saranan seakan-akan malam itu makhluk hidup yang berjalan dalam gelap-gelita dengan kakitangannya yang tidak dapat dilihat. Ini adalah satu saranan yang menarik yang aneh dan satu pemilihan kata-kata yang sungguh indah.

Ungkapan itu sama dengan ungkapan:

"Dan demi pagi ketika ia mula bernafas."(18)

Malah ungkapan ini lebih hidup dan lebih kuat saranannya seolah-olah waktu pagi itu satu makhluk hidup yang bernafas. Nafas-nafas pagi ialah cahaya siang, denyut hayat dan gerak-geri yang menjalar pada segenap makhluk yang hidup. Di sini saya tegaskan bahawa bahasa Arab, dengan segala ungkapan-ungkapan tradisionalnya, tidak dapat menandingi ungkapan Al-Qur'an ini yang menggambarkan waktu pagi. Pemandangan fajar menyingsing membuat hati yang terbuka benar-benar merasa bahawa pagi bernafas, kemudian datang ungkapan ini menggambarkan hakikat yang dirasai oleh hati yang terbuka itu.

Setiap orang yang menikmati keindahan pengucapan dan gambaran akan menganggap firman Allah yang berikut:

"Sesungguhnya Aku bersumpah dengan bintang-bintang(15). Yang muncul dan menghilang(16). Dan demi malam ketika ia menggelap(17). Dan demi pagi ketika ia mula bernafas."(18)

sebagai satu kekayaan pengucapan yang mengocakkan perasaan di samping menggambarkan hakikat-hakikat kejadian alam yang sebenar. Satu kekayaan pengucapan yang amat indah ditambah pula dengan perasaan-perasaan manusia yang menyambut fenomena-fenomena alam itu dengan hati yang benar-benar sedar dan peka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 21)

Al-Qur'an Wahyu Allah Yang Dibawa Oleh Jibril Utusan Allah Yang Paling Istimewa

Al-Qur'an mengemukakan pemandangan-pemandangan alam yang menyalutkan sifat hayat dan menghubungkan jiwa manusia dengan jiwa kejadian-kejadian melalui pengungkapan-pengungkapan yang hidup dan indah itu, adalah bertujuan untuk mencurahkan rahsia-rahsia kejadian alam itu ke dalam jiwa mereka dan untuk menunjukkan adanya qudrat Ilahi di sebaliknya, juga untuk menjelaskan kebenaran hakikat keimanan yang diserukan kepadanya. Kemudian Al-Qur'an menyebutkan hakikat ini dalam suasana yang paling sesuai:

إِنَّهُۥ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿١٩﴾
ذِى قُوَّةٍ عِندَ ذِى ٱلْعَرْشِ مَكِينٍ ﴿٢٠﴾
مُّطَاعٍ ثَمَّ أَمِينٍ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an itu perkataan utusannya yang mulia (Jibril)(19). Yang gagah perkasa dan mempunyai kedudukan yang teguh di sisi Allah yang memiliki Arasy(20). Yang dita'ati (di alam al-Mala'ul-A'la) dan amat amanah."(21)

Yakni Al-Qur'an ini adalah dari perkataan utusannya yang mulia, iaitu Jibril yang membawa dan menyampaikan perkataan ini. Oleh itu, Al-Qur'an disifatkan sebagai perkataan Jibril dilihat dari sudut tugasnya yang menyampaikannya.

Kemudian ia menyebut sifat Jibril yang dipilih untuk membawa dan menyampaikan perkataan itu sebagai seorang yang **"mulia"** di sisi Allah. Penjelasan Allah yang menyifatkannya sebagai **"gagah perkasa"** itu menyarankan bahawa wahyu Allah itu memerlukan

kepada kekuatan untuk membawanya. Ia juga mempunyai **"kedudukan yang teguh di sisi Allah yang memiliki Arasy"**. Maqam dan darjatnya begitu tinggi di sisi Allah yang mempunyai Arasy yang amat tinggi. Ia juga dita'ati di alam al-Mala'ul-A'la dan seterusnya ia bersifat **"amanah"** dalam urusan membawa dan menyampaikan wahyu itu.

Semua sifat-sifat ini menyarankan betapa mulia, betapa agung dan betapa luhurnya wahyu itu di samping menyarankan betapa besarnya perhatian Allah terhadap makhluk manusia hingga Allah memilih malaikat-Nya yang mulia, yang gagah perkasa dan mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi-Nya sebagai utusan-Nya untuk menyampaikan agama-Nya kepada manusia dan menyampaikan wahyu itu kepada Nabi yang dipilih oleh-Nya. Itulah perhatian Allah yang seharusnya membuat manusia merasa malu kerana mereka tidak mempunyai nilai sedikit pun dalam kerajaan Allah jika Allah tidak bermurah hati memuliakan mereka dengan kemuliaan ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 28)

Rasulullah bukan Seorang Yang Asing Kepada Kaum Quraisy

Inilah sifat utusan yang membawa kalam Allah. Adapun sifat Rasulullah yang membawa wahyu ini kepada kamu, maka ia sebenarnya seorang sahabat yang kamu benar-benar mengenalinya sejak beberapa lama. Oleh itu, mengapakah kamu menuduhnya dengan bermacam-macam tuduhan dan menganggapkan da'wahnya dengan berbagai-bagai anggapan apabila ia menyampaikan agama yang benar kepada kamu, sedangkan dia sahabat kamu yang kamu kenali, dan dia seorang yang jujur dan amanah dalam tugas menyampaikan urusan ghaib kepada kamu dengan penuh keyakinan:

وَمَا صَاحِبُكُم بِمَجْنُونٍ ﴿٢٢﴾

وَلَقَدْ رَآهُ بِالْأُفُقِ الْمُبِينِ ﴿٢٣﴾

وَمَا هُوَ عَلَى الْغَيْبِ بِضَنِينٍ ﴿٢٤﴾

"Sahabat kamu (Muhammad) itu bukannya seorang gila(22). Dan sesungguhnya dia pernah melihatnya (Jibril) di ufuk yang nyata(23). Dan dia tidak bakhil dalam menyampaikan urusan ghaib (yang diwahyukan kepadanya)."(24)

Al-Qur'an Bukan Bisikan Syaitan

Mereka telah menuduh Nabi yang mulia, seorang yang mereka tahu benar-benar mempunyai fikiran yang baik dan bersifat jujur, sebagai seorang yang gila. Mereka mengatakan syaitanlah yang menurunkan Al-Qur'an yang diucapkannya. Setengahnya, berkata begitu untuk menentangnya dan menentang da'wahnya, sebagaimana telah diterangkan oleh riwayat-riwayat. Dan setengahnya pula berkata begitu kerana terlalu takjub dengan ayat-ayat Al-Qur'an yang tidak mampu diucapkan oleh manusia sejauh yang diketahui mereka, juga kerana sesuai dengan kepercayaan mereka bahawa setiap penyair mempunyai syaitan yang membisikkan perkataan-perkataan yang unik, begitu juga setiap kahin mempunyai syaitan yang menyampaikan kepadanya berita-berita ghaib yang jauh, dan syaitan boleh merasuk setengah-setengah manusia, lalu terkeluar perkataan-perkataan yang ganjil dari lidah mereka. Mereka menolak satu-satunya pentafsiran yang sebenar bahawa Al-Qur'an adalah wahyu yang diturunkan oleh Allah Tuhan Semesta Alam.

Oleh kerana itu Al-Qur'an menceritakan kepada mereka di dalam bahagian yang kedua surah ini tentang keindahan alam buana dan pemandangan-pemandangannya yang menarik untuk menyarankan ke dalam hati mereka bahawa Al-Qur'an ini adalah datang dari Allah Yang Maha Berkuasa dan Maha Pencipta yang telah menciptakan keindahan alam buana yang tiada tolok bandingnya, juga untuk menerangkan kepada mereka sifat malaikat Jibril utusan Allah yang membawa Al-Qur'an dan sifat Rasulullah s.a.w. yang menyampaikan Al-Qur'an, dia adalah sahabat mereka sendiri yang mereka benar-benar tahu bahawa dia bukan sekali-kali seorang yang gila. Dan beliau telah melihat Jibril utusan Allah yang mulia itu di ufuk yang nyata dan penglihatannya itu amat jelas dan amat yakin. Dia seorang yang jujur dan amanah dalam tugasnya menyampaikan wahyu Allah mengenai urusan ghaib. Kebenaran percakapannya tidak pernah diragui, dan mereka semua tahu bahawa dia tidak bercakap melainkan perkara yang sebenar dan yakin.

"Dan Al-Qur'an bukannya perkataan syaitan yang direjam."(25)

Kerana syaitan-syaitan tidak pernah mewahyukan agama yang benar. Kemudian Allah mengaju pertanyaan yang mengandungi ejekan:

"Ke manakah kamu akan pergi?"(26)

Ke manakah kamu hendak pergi dengan anggapan dan kata-kata kamu itu? Atau ke manakah kamu hendak melarikan diri dari kebenaran, sedangkan kebenaran itu akan berdepan dengan kamu di mana sahaja kamu pergi.

"Sesungguhnya Al-Qur'an itu tiada lain melainkan peringatan kepada semesta alam."(27)

Da'wah Islam Ditujukan Kepada Semua Bangsa Dan Umat Manusia

Iaitu peringatan yang mengingatkan mereka tentang hakikat kewujudan mereka, hakikat kejadian mereka dan hakikat alam buana di sekeliling mereka. Maksud **"peringatan kepada semesta alam"** ialah da'wah Islam merupakan da'wah global atau antarabangsa sejak peringkat perkembangannya yang pertama lagi, sedangkan da'wah di Makkah sentiasa ditentang dan diburu sebagaimana dijelaskan oleh ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Makkah.

Berdasarkan penerangan yang halus itu, Allah mengingatkan mereka bahawa kemudahan menuju jalan hidayat itu adalah diberi kepada siapa sahaja yang berkehendak kepadanya. Jadi, merekalah yang bertanggung-jawab terhadap diri mereka sendiri setelah mereka diberi sepenuh kemudahan ke arah itu:

لِمَن شَآءَ مِنكُمۡ أَن يَسۡتَقِيمَ ﴿٢٨﴾

"Iaitu kepada siapa di antara kamu yang hendak mengikut jalan yang lurus."(28)

Yakni mengikut hidayat Allah dalam perjalanan menuju kepada-Nya selepas penerangan yang jelas ini, yang menghapuskan segala keraguan, menggugurkan segala keuzuran dan menunjukkan jalan yang lurus kepada hati yang lurus. Oleh itu, barang siapa yang masih tidak mahu mengikut jalan yang lurus, dialah yang bertanggungjawab di atas penyelewengannya kerana kewajipannya ialah mengikut jalan yang lurus.

Bukti Kebenaran Dan Keimanan Terdapat Di Mana-mana

Sebenarnya bukti-bukti hidayat dan dalil-dalil yang menyarankan keimanan yang terdapat dalam kejadian-kejadian diri manusia dan kejadian-kejadian di merata pelusuk alam adalah begitu kuat dan begitu mendalam hingga sukar kepada hati manusia untuk menghindari desakannya melainkan dengan susah payah yang disengajakan terutama apabila ia mendengar bimbingan ke arah itu disampaikan dengan uslub Al-Qur'an yang amat menarik dan menyedarkan. Tiada yang menyeleweng dari jalan Allah selepas penerangan itu melainkan mereka yang sengaja menyeleweng tanpa sesuatu keuzuran dan alasan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 29)

Kehendak Allah Mengatasi Segala Kehendak Yang Lain

Setelah menjelaskan kepada mereka kemungkinan mendapatkan hidayat dan kemudahan mengikut jalan yang lurus, maka Allah kembali menjelaskan pula satu hakikat agung di sebalik kehendak dan kemahuan mereka, iaitu hakikat bahawa kehendak yang berkuasa di sebalik segala sesuatu itu ialah kehendak dan iradat Allah:

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan kamu tidak dapat menentukan kehendak kamu kecuali dikehendaki Allah Tuhan semesta alam."(29)

Tujuan pernyataan ini supaya mereka jangan memahami bahawa kehendak dan kemahuan mereka adalah terpisah dari kehendak dan iradat Allah Yang Maha Agung yang menjadi pokok pangkal kepada segala perkara. Pengurniaan kebebasan memilih dan kemudahan mencari jalan hidayat adalah berpokok pangkal dari kehendak dan iradat Allah yang meliputi segala sesuatu yang telah dan akan berlaku.

Nas-nas yang menerangkan bahawa manusia tidak dapat menentukan kehendak-kehendak mereka kecuali dikendaki Allah yang disebut oleh Al-Qur'an selepas membicarakan kehendak-kehendak makhluk adalah bertujuan untuk membetulkan kefahaman keimanan yang merangkul hakikat yang agung, iaitu hakikat bahawa segala sesuatu di dalam alam buana ini adalah berpokok pangkal dari kehendak dan iradat Allah. Dan apa yang dikurniakan Allah kepada manusia iaitu kebolehan memilih salah satu dari dua jalan yang telah diterangkan kepada mereka merupakan sebahagian dari kehendak dan iradat-Nya sama seperti perencanaan dan pentadbiran-Nya yang lain. Hal ini sama juga dengan apa yang dikurniakan Allah kepada para malaikat iaitu kebolehan melakukan keta'atan mereka yang mutlak menjunjung perintah Allah dan kebolehan mereka yang sempurna melaksanakan perintah-perintah itu adalah sebahagian dari kehendak dan iradat-Nya, samalah dengan kurnia-Nya kepada manusia yang memberi kebolehan memilih salah satu dari dua jalan setelah diajar dan diberi penjelasan.

Hakikat agung ini perlu dijelaskan kepada kefahaman orang-orang Mu'min supaya mereka dapat memahami hakikat yang sebenar dan supaya mereka mencari perlindungan pada kehendak dan iradat Allah untuk memohon pertolongan dan taufik serta berpegang dengan-Nya dalam segala apa yang diambil dan ditinggalkan mereka di dalam perjalanan hidup mereka.

* * * * * *